



Parlimen Mahasiswa

Beri hak kebebasan mahasiswa bersuara, kemuka pendapat isu semasa

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) Seksyen 15(2)(C) yang dibuat tahun lalu dilihat memberi peluang untuk mahasiswa berpolitik di kampus sejajar dengan saranan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang mahu pelajar diberikan kebebasan bersuara dan berpersatuan di universiti. Langkah ini dilihat juga selaras de-

ngan tujuan penubuhan Parlimen Mahasiswa di Universiti Awam (UA) mampu memberi lebih ruang kepada pelajar menyuarakan pandangan mereka tanpa dipengaruhi pihak luar.

Rata-rata UA kini dilihat giat menjalankan sidang Parlimen Mahasiswa yang menjadi platform suara anak muda didengari, selain pandangan golongan itu boleh dipertimbangkan ketika pengubalan akta universiti yang baharu.

Kebebasan kepada setiap UA memben-

tuk Parlimen Mahasiswa bagi memberi ruang kepada golongan itu meluahkan pendapat yang mampu membangunkan universiti dan negara, namun perlu dipantau oleh pengurusan dan barisan pentadbir agar tidak melampau batasan.

Setiap perbahasan atau usul yang dicadangkan juga perlu mengikut modul yang dibenarkan universiti sahaja.

Modul Parlimen Mahasiswa terserah kepada universiti berdasarkan kepada kesesuaian masing-masing kerana ada

UA yang mempunyai banyak cawangan.

Menerusi saluran itu, pelajar boleh berbincang mengenai politik tetapi perlu ada had dan tidak menyentuh isu perkauman sehingga mampu menggugat keamanan.

Tunjang pendidikan dapat ditingkatkan jika tiga tonggak iaitu adab, patriotik dan manusiawi digenggam kemas oleh mahasiswa melalui pembabitan mereka dalam sidang parlimen di UA masing-masing.

Muka 3

Wadah Mahasiswa

Hentikan retorik politik kebencian Muka 4

Jelajah Siswa

Ajar bahasa Inggeris di Bukit Tinggi Muka 6



Kemuka pandangan melalui saluran betul

Gilap bakat kepemimpinan agar jadi pemimpin berkualiti

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Bangi: Pendedahan mahasiswa dalam persidangan seperti Parlimen Malaysia memberi ruang atau menjadi perantara bagi mengumpul cadangan dan pendapat dalam kalangan generasi muda yang berada di menara gading.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Yusri Kosnon, berkata landasan itu juga dilihat mampu melatih kepimpinan mahasiswa menyampaikan cadangan melalui saluran yang betul dan bijak.

"Inisiatif ini dapat menggilap bakat kepemimpinan dalam kalangan mahasiswa agar menjadi kepemimpinan yang berkualiti pada masa hadapan dan memberi kesan kepada peningkatan budaya ilmu sepanjang pengajian mereka di universiti.

"Selain itu, pembabitan mahasiswa bersidang seperti dalam Parlimen Malaysia dapat memberi pengalaman kepada golongan itu terhadap proses perdebatan ala parlimen yang sebenar," katanya.

Yusri berkata, walaupun ada kala pendapat atau hujah yang disampaikan dilihat seperti 'syok sendiri' sekalipun usul diterima pada peringkat Parlimen Mahasiswa, pihak pentadbiran tidak diwajibkan untuk melaksanakannya.

"Namun, harus diingatkan wakil mahasiswa yang mengambil bahagian sekurang-kurangnya dapat menyuarakan pendapat, selain membawa suara hak mahasiswa sepanjang menyambung pengajian di sini (UKM).

"Adalah menjadi harapan besar penganjur agar setiap wakil mahasiswa yang mengambil bahagian dapat mengasah kemahiran berkomunikasi dan petah berhujah," katanya.

Bagi YDP MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Izzuddin Rosli, penganjur Parlimen Kesatuan Pelajar oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti itu adalah sebagai landasan terbaik mahasiswa dilatih sebagai pemimpin masa depan.

Katanya, persidangan mem-



Yusri Kosnon



Muhammad Izzuddin Rosli

babitkan 79 perwakilan terdiri daripada 45 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertindak sebagai kumpulan Eksekutif dan 18 ahli Jemaah Presiden Majlis Perwakilan Kolej Kediaman serta 16 ahli Jemaah Presiden Pesatuan Mahasiswa Fakulti sebagai kumpulan legislatif.

"Ini ialah medan melatih pelbagai aspek kemahiran dalam diri seseorang yang menyertai

sidang Parlimen ini walaupun hanya pada peringkat universiti.

"Sekali gus menyediakan latihan kepemimpinan yang lebih baik dengan struktur tersusun, membabitkan pemimpin pelajar dengan melaksanakan pengasingan kuasa yang lebih jelas serta melancarkan aliran kerja," katanya.

Beliau berkata Parlimen Kesatuan Pelajar itu juga sebagai titik tolak penting menzahirkan komitmen universiti menyediakan wadah kepada pelajar untuk kebebasan bersuara, berpolitik dan berpersatuan dalam memperjuangkan hal ehwal pelajar, kebajikan serta akademik.

"Tiada istilah syok sendiri memandangkan sebarang cadangan dan pendapat melalui sidang Parlimen ini adalah bersikap dua hala komunikasi membabitkan pelajar dan pengurusan universiti.

"Dalam perlembagaan di UPM sendiri, segala usul diperseetujui dan akan terus dibawa ke jawatankuasa pengurusan universiti untuk dibincangkan.

"Ini menunjukkan suara mahasiswa sentiasa didengari oleh pihak pengurusan universiti dalam usaha mensejahterakan lagi hak mahasiswa untuk kebaikan UPM pada masa hadapan," katanya.